

**SULIT**

---



Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2021/2022

Julai/Ogos 2022

**HST328 – Kertas Khas dalam Sejarah Asia Tenggara**

Masa : 24 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi LAPAN (8) soalan. Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja: **WAJIB** jawab **SATU (1)** soalan daripada setiap bahagian iaitu Bahagian A, B, C dan D.

...2/-

**SULIT**

- 2 -

Bahagian A

1. "Kemelesetan Ekonomi Dunia 1929-1935 telah meninggalkan kesan sosial, ekonomi dan politik yang berbeza di Kepulauan Hindia Belanda dan Filipina". **Bandingkan** kesannya di kedua-dua wilayah tersebut.

[100 markah]

2. "Tuntutan kemerdekaan Kepulauan Filipina merupakan suatu permainan politik pemimpin-pemimpin Filipina untuk kepentingan peribadi mereka" (Jeneral Leonard Wood). Berdasarkan perkembangan politik dan sosio-ekonomi Kepulauan Filipina tahun 1910-an dan 1920-an, **tafsirkan** kesahihan pernyataan Jeneral Leonard Wood itu.

[100 markah]

3. **Tunjukkan** pendirian anda apakah hubungan Filipina dengan Amerika Syarikat selepas kemerdekaan Filipina telah mempengaruhi perkembangan semangat demokrasi rakyat Filipina?

[100 markah]

Bahagian B

4. "Pendudukan Jepun meninggalkan kesan yang berbeza antara Filipina dengan Indonesia". Anda dikehendaki **menganalisis** pernyataan tersebut daripada sudut sosial dan politik di kedua-dua buah negara.

[100 markah]

5. **Bandingkan** perkembangan politik dan sosioekonomi Filipina pada zaman pentadbiran Presiden Corazon Aquino (1986-1992) dengan era Presiden Fidel Ramos (1992-1998).

[100 markah]

...3/-

- 3 -

Bahagian C

6. "Revolusi Indonesia bergerak dari atas ke bawah". Bagaimanakah anda dapat **pertahankan** pernyataan tersebut?

[100 markah]

7. "Pada 1962 Ketua Menteri Sabah menyatakan bahawa orang Sabah rata-rata tidak mahu Kerajaan Pusat mengadakan rundingan dengan Filipina mengenai tuntutannya terhadap Sabah dan berpegang teguh kepada prinsip *self determination*, iaitu tidak mahu menjadi sebahagian dari Filipina" (Peter Lo). Dengan menggunakan pelbagai sumber, nilaikan kebenaran pernyataan tersebut.

[100 markah]

Bahagian D

8. "Rejim Ferdinand Marcos telah digulingkan oleh 'Kebangkitan Kuasa Rakyat' pada tahun 1986 adalah disebabkan oleh kepimpinan Presiden Ferdinand Marcos yang bersifat kuku besi dan tidak berperikemanusiaan".

**Pertahankan** ketepatan pernyataan tersebut.

[100 markah]

- oooOooo -